



SIARAN AKBAR

**MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN DERMA KEPADA
ANAK-ANAK YATIM
BAGI TAHUN 1443 HIJRAH / 2022 MASIHI
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Hari Rabu, 18 Ramadhan 1443H/20 April 2022M

Bandar Seri Begawan, 20 April 2022 - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya petang tadi telah mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan juga Penyampaian Derma kepada Anak-Anak Yatim bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Menyertai majlis tersebut selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut menyertai majlis berkenaan ialah Yang Mulia Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian; pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran berserta terjemahannya yang disampaikan oleh dua orang pelajar tahun 9 dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah. Majlis kemudiannya diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Al-Quran Teman Dunia Dan Akhirat' yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Haji Samaali Bin Haji Adam, Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, diikuti dengan penyampaian derma anak-anak yatim kepada seramai 51 orang oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat agar terhindar daripada Wabak COVID-19 dan Doa Peliharakan Sultan.

Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma kepada Anak-Anak Yatim bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dan ianya adalah merupakan kegiatan tahunan pihak Kementerian berkenaan bagi menyemarakkan lagi sambutan bulan Ramadhan Al-Mubarak. Majlis ini juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian serta jabatan-jabatan dibawahnya di samping menunjukkan sifat keperihatinan kepada golongan yang memerlukan khususnya anak-anak yatim.

/ TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Kemajuan Pelancongan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan